

Mahasiswa perlu bantu jayakan imuniti kelompok

[Suzalina Halid](#) - Mac 20, 2021 @ 12:00pm

suzalina@bh.com.my



Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba. -Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Golongan mahasiswa di negara ini diminta untuk turut sama memainkan peranan dalam membantu hasrat kerajaan menjayakan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang dilaksanakan kini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata mahasiswa perlu melakukan sesuatu yang memberi manfaat kepada rakyat dan peranan dalam menjayakan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, disifatkan penting untuk mencapai imuniti kelompok mengikut tempoh masa ditetapkan.

"10 tahun lalu, kita menjangkakan 2020 akan menjadi tahun di mana manusia berkemampuan untuk melakukan pelbagai perkara dengan teknologi canggih selain

menjangkakan Malaysia menghadapi cabaran besar dalam mendepani persaingan abad ke-21.

"Namun sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, banyak aktiviti harian selama ini perlu diberi nafas baharu termasuk aspek kesihatan dan tentu sahaja mahasiswa khususnya dari Fakulti Sains Kesihatan boleh memainkan peranan dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Mahasiswa Sains Kesihatan Se-Malaysia (KOMSIS) secara maya, di sini, hari ini.

Program terbabit yang dianjurkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah inisiatif bagi menyatukan mahasiswa Sains Kesihatan dari seluruh negara bagi bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman.

Pada masa sama, Dr Adham berkata, pihaknya berharap program KOMSIS ini dapat menjadi pemangkin kepada mahasiswa untuk turut sama menyumbang dalam agenda nasional termasuk Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Beliau berkata, graduan dalam bidang Sains Kesihatan diakui sudah memberikan banyak sumbangan dalam masyarakat, khususnya dalam memastikan kesihatan komuniti dan ia bukanlah suatu tugas yang mudah.

Katanya, banyak idea dari warga institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada ahli akademik mahupun penuntut diterjemahkan untuk kemajuan negara.

"Kita berbangga dengan semua mahasiswa yang terus berusaha menjalankan program yang memberi impak dalam pembangunan masyarakat melalui pelbagai cara yang kreatif dan inovatif.

"Sesungguhnya negara memerlukan modal insan yang berkaliber, berintelek dan berkemahiran di samping mempunyai pemikiran kreatif dan kritis yang mampu bersaing dan cemerlang.

"Kementerian Kesihatan sentiasa berharap segala usaha dan inisiatif yang dilakukan dapat memberi implikasi yang positif kepada negara serta masyarakat," katanya.